

OREO “Dunk & Win”

Cara Menyertai:

Beli pek OREO “Dunk & Win” edisi terhad dengan kod unik 11 digit dan nombor telefon tempatan yang dicetak di pek. Peserta perlu menghantar SMS kod unik 11 digit nombor telefon Malaysia (+6019 6936 096) yang disediakan di pek untuk peluang memenangi hadiah-hadiah mingguan daripada OREO (“Peraduan”). Hadiah terbesar ialah memenangi percutian ke USA.

Hadiah-hadiah:

1. Hadiah Utama: 1 pemenang percutian untuk 4 orang ke USA [bernilai RM37,000]
2. Hadiah Pertama: 2 pemenang mingguan sebuah iPhone 7 [bernilai RM 3,699 setiap satu] = jumlah 28 unit
3. Hadiah Sagu hati: 30 pemenang mingguan eksklusif Kemeja-T OreO [bernilai RM 20 setiap satu] = jumlah 420 unit

Tempoh Peraduan: [Isnin 13 Mac 2017 – Ahad 18 Jun 2017] (14 Minggu)

Tarikh Makluman Pemenang Hadiah: [Isnin 4 Julai 2017]

Terma dan Syarat

1) Mondelez Malaysia Sales Sdn Bhd (“Mondelez Malaysia”), kakitangan dan ahli keluarga terdekat, ahli gabungan, agensi dan lain-lain pihak yang terlibat secara langsung dalam menganjurkan, menjalankan dan / atau mempromosi Peraduan ini tidak layak menyertai.

2) Semua penyertaan mestilah dihantar sebelum [Ahad 18 Jun 2017] (“Tarikh Tutup”). Penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup atau tidak lengkap atau tidak boleh dibaca akan dibatalkan penyertaan.

3) Penyertaan yang disenarai pendekkan akan dimaklumkan melalui panggilan telefon dan peserta diwajibkan menjawab soalan tambahan daripada Mondelez Malaysia untuk menentukan pemenang. Pemenang dikehendaki memberikan maklumat pemenang yang tepat sebagai pengesahan bagi penerimaan hadiah. Kegagalan dalam memberikan maklumat pemenang yang tepat dalam tempoh 7 hari dari tarikh makluman akan menyebabkan pelucutan hadiah tersebut. Semua maklumat yang diberikan kepada Mondelez Malaysia akan dikira sebagai hak peribadi peserta dan ia tidak akan digunakan untuk tujuan lain selain daripada untuk penebusan hadiah.

4) Pemenang dikehendaki datang sendiri ke pejabat Mondelez Malaysia atau di lokasi yang ditentukan oleh Mondelez Malaysia untuk menuntut hadiah mereka. Pemenang hadiah (atau ibubapa atau penjaga untuk pemenang hadiah di bawah umur 18 tahun) mestilah menyerahkan paket asal OREO yang mengandungi kod unik yang merupakan kod kemenangan, resit asal pembelian bersama Pengenalan Diri yang sah untuk tujuan pengesahan.

5) Hadiah tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar ganti untuk wang tunai dan adalah terhad kepada satu hadiah untuk satu nombor telefon. Mondelez Malaysia berhak menggantikan sebarang hadiah dengan hadiah dengan nilai yang sepadan untuk hadiah yang diiklankan, yang mungkin tidak boleh diperolehi lagi, tanpa sebarang pemberitahuan. Dalam apa jua situasi, Mondelez Malaysia, gabungannya atau agensi yang berkaitan tidak akan

dipertanggungjawabkan untuk sebarang nilai mata wang yang lebih tinggi daripada nilai hadiah untuk pemenang hadiah di bawah terma dan syarat Peraduan.

6) Pemenang adalah bertanggungjawab untuk sebarang cukai berkaitan yang dikenakan ke atas hadiah yang dimenangi.

7) Keputusan cabutan hadiah adalah muktamad. Tiada permohonan akan dilayan untuk sebarang sebab sekalipun.

8) Mondelēz Malaysia, gabungannya dan agensi yang berkaitan, tidak akan bertanggungjawab kepada peserta dalam kontrak, salah laku atau kecuaiannya atau jika tidak, sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan dalam sebarang bentuk yang ditanggung atau dialami oleh peserta, sama ada secara langsung atau tidak langsung, termasuk tetapi tidak terhad, sebarang kehilangan ekonomi atau kerugian lain.

9) Mondelēz Malaysia mempunyai hak mutlak untuk menggunakan nama dan foto pemenang untuk kajian pengguna, publisiti, promosi, tujuan pengiklanan dan pemasaran tanpa perlu memberikan sebarang pembayaran balik kepada pemenang.

10) Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju dengan penggunaan nama dan foto mereka oleh MDLZ untuk tujuan yang seperti dinyatakan pada Klausula 9 di atas.

11) Mondelēz Malaysia mempunyai hak mutlak untuk meminda terma dan syarat ini, menarik balik dan/atau menamatkan Peraduan ini pada bila-bila masa tanpa sebarang makluman terdahulu atau keperluan untuk memberikan sebarang sebab sekalipun.

12) Dengan menyertai Peraduan ini, peserta adalah terikat dengan terma dan syarat ini dan sebarang keputusan oleh Mondelēz Malaysia adalah muktamad. Sebarang rayuan tidak akan dilayan untuk apa sebab sekalipun.

13) Penerimaan hadiah oleh setiap pemenang akan menandakan penerimaan menyeluruh dan pelepasan daripada Mondelēz Malaysia daripada sebarang liabiliti, tuntutan, permintaan, sebab-sebab tindakan, dan/atau kerosakan yang mana pemenang mungkin telah, sama ada diketahui atau tidak diketahui pada masa ini, atas sebarang keadaan, yang timbul daripada atau berkait kepada: (i) Peraduan, (ii) kecederaan diri dan/atau kerosakan harta, kecurian atau kerugian yang ditanggung oleh pemenang akibat daripada penggunaan dan/atau menikmati hadiah, dan/atau (iii) sebarang liabiliti cukai berhubung dengan Peraduan, hadiah dan/atau penggunaan atau menikmati hadiah.

14) Sekiranya Mondelez Malaysia gagal menghubungi mana-mana pemenang untuk apa jua sebab, ia akan, dengan budi bicara mutlak, memilih pemenang lain selaras dengan mekanik Peraduan ini.

15) Hadiah-hadiah yang tidak dituntut dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Mondelez Malaysia akan ditarik balik dan akan ditangani dengan hak mutlak yang dipegang oleh Mondelez Malaysia. Pemenang tidak boleh membuat sebarang tuntutan terhadap Mondelez Malaysia untuk penarikan balik tersebut.

16) Setiap pemenang adalah bertanggungjawab untuk semua kos sampingan dan tambahan yang timbul daripada penggunaan hadiah yang dimenangi, selagi ia tidak dinyatakan secara khusus sebagai sebahagian daripada hadiah.

17) Peraduan ini ditadbir di bawah undang-undang Malaysia, dan setiap peserta bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa eksklusif mahkamah-mahkamah di Malaysia.